

Tabung Haji pantau haji ekspres

“Ini bukan soal orang yang godam (sistem pangkalan data TH), ini orang yang tahu masuk dalam sistem itu. Orang nak pergi haji dia masuk ‘key-in’ tarikh daftar untuk pergi haji.”

NOOR AZURA SAHRIL

KUALA LUMPUR - Sistem pengkalan data Lembaga Tabung Haji (TH) akan dipertingkatkan bagi urusan kuota bagi memastikan kegiatan haji ekspres tidak berulang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, ia sebagai langkah waspada supaya tiada pihak yang mengambil kesempatan khususnya yang mengetahui teknologi menggodam sistem terbabit.

“Ini bukan soal orang yang godam (sistem pangkalan data TH), ini orang yang tahu masuk dalam sistem itu. Orang nak pergi haji dia masuk ‘key-in’ tarikh daftar untuk pergi haji.

“Kadang-kadang ada orang yang tahu dan faham IT dan sebagainya masuk dalam

Jamil Khir

sistem itu. Nasihat kita ikut peraturan dan giliran bila pergi haji, haji mabrur itu penting,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau sebelum itu merasmikan Program Cinta Masjid di Masjid Saidina Hamzah di Kampung Batu Muda yang dihadiri lebih 200 orang.

Hadir sama di majlis tersebut Pengerusi TV Al-Hijrah, Tan Sri Dr Mohd Yusof Nor, Pengarah Urusan Kumpulan

Media Karangkrak, Datuk Hussamuddin Yaacob, Imam Masjid Saidina Hamzah, Awang Mamat dan Timbalan Pengerusi Masjid Saidina Hamzah, Prof Madya Dr Fauzi Deraman.

Jamil Khir berkata demikian ketika mengulas laporan sebuah akhbar arus perdana berhubung sindiket melibatkan beberapa pegawai dan kakitangan TH yang dipercayai beroperasi sejak 2009 dengan menawarkan orang ramai melangkaui giliran untuk menuaikan ibadat haji.

Beliau berkata, beberapa pegawai dan kakitangan TH

yang disyaki terlibat dalam sindiket tersebut sedang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan TH akan mengambil tindakan tatatertib terhadap mereka.

Mengulas berkenaan Program Cinta Masjid, Jamil Khir berkata, program itu akan ‘mengembara’ ke masjid-masjid di seluruh negara, selepas ini.

“Program ini diketengahkan sebagai usaha memupuk dan menyemarakkan rasa cintakan masjid terutamanya kepada generasi muda di negara ini.

“Kesedaran perlu ditingkatkan bahawa masjid bukan sekadar tempat untuk beribadah semata-mata, bahkan masjid merupakan pusat kegiatan pelbagai aktiviti umat Islam terutamanya melibatkan aktiviti sesama keluarga,” katanya.

Katanya, program seperti ini akan diadakan secara berterusan setiap bulan dan menjejajah masjid di seluruh negara dengan Masjid Saidina Hamzah, Kampung Batu Muda, di Jalan Ipoh, menjadi masjid pertama.



Jamil Khir (tiga, kanan) melihat replika cek wakaf bahan bacaan semena Program Cinta Masjid berjumlah RM500 yang diserahkan oleh Hussamuddin (kiri) kepada Dr Fauzi (kanan), semalam.